

DAN UGERAHKAN SEORANG BAYI  
ADALAH SATU KENDAHAN BUAT  
WANITA. BERGELAP SEORANG  
IBU MENJADKANNYA SENTASA  
MENGAWASIDAN MEMERHATKAN  
SETIAP INCI PERUBAHAN SI ANAK.

Children - general  
PK 77.  
CTR 0000275266

# Kenali najis BAYI ANDA

**T**idak kiralah dari segi perubahan bentuk wajah yang makin hari semakin comel ataupun keletehnya yang semakin lincah.

Selain dari itu, ibu-ibu harus mengawasi perubahan najis yang berlaku pada anak. Hal ini kerana setiap perubahan yang berlaku pada najis bayi memberikan sesuatu petanda.

Mari kita semak tanda-tanda ini seperti yang dikeluarkan oleh laman *babycenter.com*:

Apabila bayi baru beberapa hari dilahirkan akan mengeluarkan mekonium iaitu najis awal yang mempunyai tekstur seperti tar dan berwarna hijau kehitaman serta melekit.

Mekonium ini terhasil daripada mukus, cecair amnion dan segala yang janin makan semasa dalam rahim.

Ita sangat sukar untuk dilap pada punggung bayi tapi itu adalah petanda yang ususnya sedang bekerja dengan baik.

Kolostrum atau susu awal selepas bersalin sekiranya diberi pada bayi akan bertindak sebagai 'pelincir' yang membantu mekonium hilang.

Selalunya tiga hari selepas itu, najis bayi yang menyusu badan, akan bertukar menjadi hijau seterusnya warna kuning mustard dan baunya sedikit manis.

Pada minggu yang awal, bayi anda akan membuang najis setiap kali selepas menyusu. Secara purata empat kali sehari.

Bagi anak yang hanya minum susu formula sejak lahir, tekstur najisnya akan lebih besar dan terbentuk kerana susu formula tidak dapat dihadam sepenuhnya oleh usus bayi seperti susu badan.

Sebaiknya bayi yang minum susu formula untuk membuang najis setiap hari kerana dikuatiri makin lama najis tidak dikeluarkan akan menjadi sembelit.

Apabila bayi mula makan makanan pejal, najisnya akan banyak terkesan dengan makanan yang dimakan. Contohnya, apabila bayi makan puri lobal merah, najisnya akan sedikit berwarna oren.

Apabila bayi anda memasuki fasa makan makanan yang pelbagai, najisnya akan bertukar menjadi lebih tebal, gelap dan sangat berbau.

Jika najis bayi anda berwarna hijau dan berbuih ia ada beberapa kemungkinan. Antaranya,

bayi anda terlalu banyak mengambil laktosa iaitu gula asli yang terdapat dalam susu ataupun bayi anda tidak mendapat susu lemak yang mengenyangkan. Boleh jadi juga bayi anda terkurang atau terlebih menyusu atau ia petanda dalam perut bayi anda ada kuman.

